


KEMBALILAH KE PANGKAL JALAN!

Oleh Juliana Mansor

BARU-BARU ini, negara digemparkan dengan keberanian seorang lelaki yang memakai pakaian wanita ketika mengerjakan umrah. Sebelum ini, usahawan yang terkenal itu mengisytiharkan dirinya seorang wanita walaupun tiada pengesahan rasmi perubahan yang dikemukakan untuk pembuktian itu. Berdasarkan arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 9/2007 perenggan 5.7.1, pindaan jantina dalam kad pengenalan adalah tidak dibenarkan kecuali atas perintah mahkamah. Beliau yang tergolong dalam kategori transgender ini sangat popular dalam laman sosial.

Golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Malaysia kini bukan lagi satu rahsia dan menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat. Mereka diibaratkan satu wabak yang akan menjadi kanser. Golongan ini boleh memusnahkan institusi keluarga yang akan menimbulkan banyak kepincangan sosial, agama, budaya, psikologi, etika dan moral. Dalam kehidupan bermasyarakat, seseorang yang tidak mematuhi peraturan masyarakat akan disingkirkan daripada masyarakat itu.

Sejak akhir-akhir ini, isu gejala yang tidak sihat itu semakin menular dalam kalangan remaja.



Mereka terjebak dalam hubungan dan cinta sejenis. Kegiatan dan aktiviti yang mereka lakukan amat memalukan dan menjijikkan hingga ada yang sangat berani dan tergamak untuk memuat naik gambar aksi bersama-sama pasangan di laman sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Perbuatan mereka itu sangat memberikan kesan kepada agama, negara dan masyarakat.

Perasaan tidak selesa dan tidak berpuas hati terhadap kejadian diri yang dialami oleh seseorang itu dikatakan menjadi punca konflik, keresahan, kebimbangan dan kegelisahan dalam diri seseorang individu itu terhadap identiti diri dan jantina. Kecelaruan gender merupakan sejenis gangguan mental yang merujuk konflik dan pertembungan di antara manifestasi gender seseorang dengan jantina biologi semasa lahir seperti meniru tingkah laku, pemakaian dan sifat jantina yang berlainan serta menyembunyikan tanda biologi jantina asal.

Pelbagai faktor penyebab yang menyumbang kepada kecelaruan identiti jantina ini dan hal ini dapat

Kecelaruan gender merupakan sejenis gangguan mental yang merujuk konflik dan pertembungan di antara manifestasi gender seseorang dengan jantina biologi semasa lahir.

dibuktikan secara saintifik. Ada beberapa kajian yang menunjukkan pertalian yang positif antara faktor personaliti dengan pemikiran yang tidak betul. Ada juga yang disebabkan oleh pengalaman dan trauma masa silam, faktor buli, cara asuhan dan pembesaran oleh ibu bapa, kecewa dalam perhubungan dan lain-lain faktor persekitaran. Oleh itu, golongan LGBT perlu dibantu dan dirawat agar dapat bebas dari minda yang terperangkap.

Secara umumnya, hanya dua jantina biologi sahaja yang diterima, iaitu lelaki dan perempuan. Lelaki bersifat maskulin dan akan tertarik kepada perempuan. Perempuan pula mempunyai pengenalpastian gender perempuan dan tertarik kepada lelaki. Menurut *Clinical Child Psychology and Psychiatry* oleh Newman, kedua-dua kelompok jantina ini merupakan norma yang telah dimaklumi dan mana-mana individu yang mempamerkan kombinasi jantina biologi, jantina dan seksualiti, akan dianggap tidak natural atau bersifat patologi.

Individu kategori kecelaruan identiti gender mempunyai perasaan

jantina sebaliknya dan mengubah fizikal seksual yang mereka miliki semasa lahir. Remaja atau individu kategori ini mengalami perasaan seperti kemahuan menunjukkan penampilan jantina yang berbeza daripada asal, mahu dilayan dan hidup sebagai jantina yang diidam-idamkan, berkeyakinan mempunyai perasaan seperti jantina sebaliknya, berterusan berasa tidak selesa dan ketidaksesuaian dalam peranan gender asalnya. Kecelaruhan identiti gender ini dikategorikan sebagai kecelaruhan mental oleh Diagnostic Manual of Mental Disorders (DSM), iaitu piawaian untuk profesional kesihatan mental.

Menurut Mohd. Tajuddin Ninggal dalam bukunya, *Transseksualisme dan Hubungannya dengan Kecelaruhan Gender dari Perspektif Psikologi*, dianggarkan bahawa sebanyak 500 orang pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) awam di Malaysia tergolong dalam transeksualisme dan menjurus kepada kecelaruhan gender sehingga mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. IPT sama ada universiti awam

atau swasta seharusnya menjanakan modal insan yang boleh menjadi suri teladan dan bukannya individu yang mengalami kecelaruhan identiti gender. Gejala jadi-jadian ini akan memudaratkan ketamadunan manusia melalui keruntuhan struktur sosial keluarga kerana tidak wujud lagi ibu dan bapa jika pasangan ini berkahwin.

Jumlah golongan LGBT di negara ini semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendedahkan perkara tersebut melalui statistik yang direkodkan melalui pelbagai sumber, sekali gus mempamerkan peningkatan trend yang membimbangkan. Menurut Timbalan Pengarah Keluarga, Sosial dan Pembangunan Komuniti JAKIM, Dr. Mohd Izwan Md Yusof, aktiviti LGBT bermula sejak mereka di sekolah berasrama, terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja lelaki yang berusia 12 tahun hingga 15 tahun. Hal tersebut berlaku kerana mereka belum matang dan tidak dapat membezakan jenis sentuhan ke atas mereka.

Bagi Dr. Sharifah Zubaidiah Syed Jaapar, Pensyarah dan Pakar Psikiatri, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, punca kecelaruhan gender ini disebabkan oleh faktor individu. Pada peringkat kanak-kanak hingga dewasa, iaitu antara umur 10 tahun hingga 19 tahun, mereka akan mengalami satu fasa krisis identiti. Dalam situasi itu, mereka akan mula mencari identiti seperti perasaan ingin tahu dan mencuba, kekurangan didikan agama, mangsa dera seksual terutama di asrama (mangsa liwat), emosi tidak stabil, kurang kemahiran daya tindak serta bermain dengan kanak-

kanak perempuan atau lelaki semasa kecil.

Faktor keluarga juga antara punca mereka berasa kekurangan kasih sayang daripada ibu atau bapa. Hasilnya, mereka mencari kasih sayang di luar dan lama-kelamaan, kasih sayang itu akan bertukar menjadi kasih sayang seorang teman hidup. Di samping itu, sikap masyarakat yang memandang rendah kepada mereka, pergaulan bebas, sumber mudah akses seperti penggunaan alatan elektronik, dibesarkan dalam komuniti atau keluarga yang bermasalah, kawalan yang kurang daripada pihak berkuasa dan pergerakan pro-LGBT atau normalisasi serta penggunaan Internet dan pengaruh sosial.

Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga pernah menekankan bahawa Malaysia tidak akan menerima budaya LGBT dan perkahwinan sesama jantina walaupun hal tersebut dianggap sebagai hak asasi manusia di negara Barat. Oleh itu, langkah pembanterasannya harus dilakukan seberapa segera. Tugas membendung dan menangani perkara itu kini menjadi tanggungjawab pemerintah termasuklah mengenakan hukuman, peraturan atau polisi yang paling berkesan dalam menanganinya, serta mengekang perkara itu daripada berkembang.

Ibu bapa, pendidik, golongan berpengaruh dan masyarakat perlu cakna dan prihatin untuk menangani isu ini, sekali gus memberikan pemahaman akan kesan dan pengaruhnya kepada semua pihak dengan sebaik-baiknya. Golongan LGBT sebenarnya dapat dipulihkan jika mereka mendapat sokongan masyarakat, selain melalui pendekatan yang bersesuaian. Mereka perlu mendapat sokongan dari segi psikologi dan spiritual. Sikap masyarakat sendiri yang suka melabel, mengeji, mengutuk, mencemuh dan menghina golongan



songsang ini menyebabkan mereka tidak mencari penyelesaian untuk mengatasi atau merawat diri.


Menurut bekas *mak nyah* yang kini sudah kembali ke pangkal jalan, iaitu Mohd Khairiri Mohamad Ramli, yang lebih dikenali sebagai Cikgu Erin, masyarakat sangat berperanan untuk membantu golongan LGBT agar dapat kembali kepada masyarakat dengan lebih yakin. Bagi Cikgu Erin, yang kini giat melakukan dakwah dalam kalangan LGBT, golongan LGBT perlu didekati secara berhemah. Oleh itu, janganlah memandang rendah terhadap mereka dan bersikap diam diri dengan alasan hal tersebut tidak melibatkan diri sendiri. Adalah menjadi kewajipan kita untuk membendung dan mencegah gejala ini yang semakin menular dengan cepat.

Gejala LGBT sangat menyalahi fitrah manusia yang normal. Mereka mengamalkan aktiviti yang bertentangan dengan kehendak agama dan nilai murni masyarakat. Perlu diingatkan bahawa semua manusia sama ada lelaki atau perempuan setaraf di sisi Tuhan dan aktiviti LGBT amatlah dilarang dalam semua agama. Individu yang terlibat dengan gejala ini telah menjatuhkan maruahya secara tidak sedar. Jika yang sedar sekali pun, akibat menurutkan nafsu yang songsang, soal maruah dibuang ke tepi. Soal keseronokan menjadi keutamaan mereka. Oleh itu, kecelaruan yang dialami itu menyebabkan masa depan mereka gelap dan hancur.


Sehubungan dengan itu, sebagai manusia normal, kita perlulah kembali kepada fitrah semula jadi. Agama perlu dijadikan panduan hidup, tidak kiralah sama ada agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian, Sikh atau sebagainya yang mempunyai tatacara hidup yang sempurna dan baik. Pemikiran individu perlu dididik agar selaras dengan fitrah biologi. Oleh itu, fenomena LGBT perlu dibanteras kerana kewujudan mereka akan membawa kemudaratan kepada peradaban manusia sejagat.

Orientasi Seksual


Setiap individu mempunyai orientasi seksual masing-masing. Wujud perasaan romantis dan tertarik secara seksual terhadap pasangan berlainan seks (heteroseksual). Remaja menaruh perasaan terhadap seseorang dan mungkin bertindak mengikut perasaan tersebut. Terdapat pelbagai jenis orientasi seksual iaitu:

Heteroseksual	Tarikan romantik dan seksual terhadap pasangan yang berlainan seks.
Biseksual	Tarikan romantik dan seksual terhadap kedua-dua jantina.
Homoseksualiti	Tarikan romantik dan seksual terhadap jantina yang sama.
Gay	Suatu label yang diberikan kepada lelaki yang mempunyai tarikan seksual kepada lelaki lain.
Lesbian	Suatu label yang diberikan kepada kaum wanita yang mempunyai tarikan seksual kepada wanita yang lain.
Transvestisme	Lelaki yang suka memakai pakaian wanita dan mempamerkan diri yang dikenali sebagai pondan atau <i>mak nyah</i> .
Transeksual	Perempuan atau lelaki yang merasai bahawa diri mereka sepatutnya tergolong pada seks yang berlainan. Mereka merasakan bahawa mereka mempunyai organ seksual yang salah. Oleh itu, mereka menjalani pembedahan pertukaran organ seks. 

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



Mereka yang terlibat dengan LGBT perlu diubati agar mereka dapat berubah mengikut fitrah asal.



Golongan ini yang telah insaf perlu dibimbing agar mereka tidak lagi terlibat dengan kegiatan songsang.